

Selamat Tahun Baru  
**2014!**

# Berita **B@UTeM**



www.utem.edu.my | edisi November - Disember 2013



  
**Socrates Awards Ceremony**  
in association with  
Europe Business Assembly  
Oxford, UK

## NAIB CANSOLOR

Terima Anugerah Pengurus Terbaik,

TURUT DINOBATKAN INSTITUSI TERBAIK  
OLEH EUROPE BUSINESS ASSEMBLY

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LG  
173  
.M44  
.B47  
2013  
a  
Nov-Dec

Penganjuran

**UTeMEX 2013**

**LONJAK BUDAYA INOVASI MALAYSIA**

# Isi Kandungan

## November - Disember

- 2 UTeM Bangunkan Sistem Maklumat Perhutanan Bersepadu Negeri Terengganu
- 3 Naib Canselor Terima Anugerah Pengurus Terbaik, Turut Dinobatkan Institusi Terbaik
- 4 Penyelidik UTeM Pamer Kecemerlangan Inovasi Di Pecipta 2013
- 5 Penghargaan UTeMEX 2013 Lonjak Budaya Inovasi Malaysia
- 6 Pengurus Kanan D'Assault System Tinjau Kemudahan Berteknologi Tinggi
- 7 Dialog Dana Penyelidikan Bersama MOSTI Inovasi UTeM Menyinar Di Korea Selatan
- 8 UTeM Ungguli PERODUA Eco-Challenge 2013
- 9 Penerbit UTeM Rangkul Anugerah Buku Negara 2013
- 10 Presiden CUEPACS Adakan Pertemuan Dengan Kakitangan Keselamatan UTeM
- 11 FTK Terima Lawatan Dari Universiti Jerman
- 12 UTeM Tumpuan Pelajar Kolej Matrikulasi Perlis
- 13 HELWA UTeM Anjur Seminar Fiqh Wanita Kontemporari
- 14 UTeM Career Connect Lonjak Kebolehpasaran Graduan
- 15 UTeM Jayakan Seminar OSH kali pertama
- 16 UTeM Anjur Seminar Teknologi Sukan
- 17 Pasukan Oracle Vehicle Ke Tokyo Autoshow - Dinobatkan Johan Kebangsaan Kempen Keselamatan Jalanraya #fit2drive
- 18 Universiti Thailand Kagum Kemudahan Sukan di UTeM
- 19 Affendy dilantik YDP MPP UTeM
- 20 Pusat Islam Anjur Program Smart Tahfiz Smart Solat 2013
- Pusat Komputer Anjur Kem ICT 2013 sempena Musim Cuti Sekolah
- Pameran Keselamatan Jalan Raya Beri Maklumat Berguna kepada Warga Universiti
- Program Perintis UTeM Platform Hasilkan Warga Universiti Terbilang
- Siswa UTeM Menyemai Bakti Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
- Kembara Berbasikal UTeM - GPMS Pupuk Jati Diri Siswa
- Pusat Islam Lancar Inisiatif Salur Bantuan Kepada Mangsa Banjir di Pahang
- STAF UTeM JALANI LATIHAN KESELAMATAN KEBAKARAN TAHAP 2
- UTeM SEMARAK PEMBANGUNAN RAGBI NEGERI MELAKA
- PROGRAM HARI INTERAKSI ANAK-ANAK FELDA ERATKAN HUBUNGAN
- UTeM MUNCUL KUASA BARU BOLA SEPAK MTUN



## UTeM Bangunkan Sistem Maklumat Perhutanan Bersepadu NEGERI TERENGGANU

**25 November** : UTeM memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Negeri Terengganu untuk membangunkan Sistem Maklumat Perhutanan Bersepadu Negeri Terengganu (T-ifms), yang berfungsi untuk mengawal sumber hutan dengan berkesan.

Dalam satu majlis yang diadakan di Kuala Terengganu, menyaksikan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Mazlan Ngah menandatangani memorandum tersebut disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua organisasi terbabit.



Datuk Mazlan Ngah ketika ditemui berkata, sistem T-ifms yang dibangunkan mampu mengawal sumber hutan dengan berkesan melalui kawalan berpusat dan memberi kemudahan kepada pengguna untuk menyelenggara maklumat dari masa ke semasa.

Jelasnya lagi, melalui sistem tersebut pengeluaran hasil hutan sebenar boleh diketahui dalam usaha meningkatkan lagi kutipan hasil hutan selain penguatkuasaan dapat dijalankan dengan berkesan dan teratur.

Dalam pada itu, Dr. Ahmad Yusoff melahirkan penghargaan kepada kerajaan negeri Terengganu di atas kepercayaan yang diberikan kepada UTeM untuk bekerjasama menjayakan pembangunan sistem berkenaan.

Ujarnya lagi, UTeM komited dalam memastikan kejayaan projek tersebut dan bersedia berkongsi kepakaran khusus dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Hadir sama menyaksikan majlis menandatangani MoU tersebut ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Mohd Zubir Embong serta Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin.

LG173.M44 .B47 2013 Nov-Dec



87516214

## NAIB CANSOLOR

Terima Anugerah Pengurus Terbaik,

### TURUT DINOBATKAN INSTITUSI TERBAIK OLEH EUROPE BUSINESS ASSEMBLY

**18 Disember** : UTeM menerima penghormatan apabila dinobatkan sebagai "Best Regional University" manakala Naib Canselornya Datuk Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan dianugerahkan sebagai "Manager of The Year" oleh Europe Business Assembly (EBA).



UTeM dalam satu kenyataan media memberitahu, anugerah tersebut telah diterima oleh Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam satu majlis penyampaian yang telah diadakan bersempena dengan penganjuran Summit of Leaders di Oxford, United Kingdom.

Dr. Ahmad Yusoff berkata, ketika ditemui melahirkan rasa syukur dan bangga di atas kejayaan tersebut yang membuktikan usaha dan komitmen UTeM untuk menjadi universiti teknikal terkemuka telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sekaligus membantu kerajaan dalam memertabatkan bidang pengajian tinggi negara.

Jelas beliau, pemilihan UTeM sebagai "Best Regional University" dibuat berdasarkan beberapa kriteria meliputi pembangunan program akademik, aktiviti penyelidikan, penyertaan dalam persidangan, bilangan jurnal penyelidikan, nisbah pelajar dan ahli akademik serta kompetensi graduan.

Manakala anugerah "Manager of The Year" diberikan berdasarkan usaha berterusan Naib Canselor UTeM yang gigih memacu universiti ke arah kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

Kejayaan ini juga katanya, akan menjadi galakan dan dorongan kepada UTeM untuk terus komited bagi melaksanakan agenda perubahan ke arah kecemerlangan yang menitikberatkan elemen inovasi dan kreativiti sebagai pemacu kegemilangan bertepatan dengan semangat universiti tersebut yang sentiasa merintis dan mendahului dalam setiap aspek.

Summit of Leaders merupakan sidang kemuncak tahunan yang menyediakan platform kepada ahli-ahli akademik, ketua pegawai eksekutif, saintis-saintis, ahli-ahli perniagaan dan pelabur-pelabur dari seluruh dunia untuk berkongsi idea dan mewujudkan kerjasama dalam bidang sains dan pendidikan.

Persidangan tersebut juga membicarakan topik-topik berkaitan cabaran dunia pendidikan moden, pembentangan kemajuan saintifik dan penyelesaian inovatif selain pameran berkaitan pendidikan tinggi.



## Penyelidik UTeM

### PAMER KECEMERLANGAN

# INOVASI DI Pecipta'13

**12 November** : Penyelidik UTeM terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (PECIPTA 2013) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih satu Anugerah Khas, dua pingat emas, lapan perak dan tujuh gangsa menjadikan sejumlah 17 pingat diraih melalui produk-produk yang dipertandingkan.



Produk inovasi teknologi hijau ciptaan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Ir. Mohd Farriz Md. Basar iaitu Green Energy From Tap Water (Get-Watt) berjaya menarik perhatian juri apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas serta meraih pingat emas pada pertandingan berprestij itu.

"Secara asasnya, alat tersebut hanya perlu dipasang pada saluran paip di rumah dan aliran air akan menjana tenaga elektrik untuk kegunaan peralatan elektrik seperti lampu, radio, kipas serta lain-lain perkakas di bawah 1,000 watt," kata Farriz.

Jelasnya lagi, konsep digunakan sama seperti empangan hidroelektrik yang menghasilkan tenaga elektrik apabila arus air memusingkan turbin, tetapi alat ini direka dalam skala yang lebih kecil agar ianya mudah dipasang bagi kegunaan di rumah.

Kejayaan itu turut mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk-produk inovasi UTeM ke peringkat global.

# Penganjuran

# UTeMEX 2013

## LONJAK BUDAYA INOVASI MALAYSIA

**12 Disember :** Bertemakan "Menerokai Teknologi Futuristik" penganjuran Ekspo Pameran dan Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi UTeM 2013 (UTeMEX 2013) mencatat sejarah tersendiri apabila lebih 200 produk penyelidikan menyertai ekspo tersebut.

Bertempat di Dewan Besar UTeM Kampus Induk, UTeMEX 2013 berjaya menarik penyertaan daripada sekolah, politeknik, kolej komuniti serta IPT seluruh negara dengan menampilkan pelbagai hasil produk penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Md Nor berkata, penganjuran UTeMEX menjadi wadah meningkatkan lagi kualiti dan daya saing penyelidik dan pelajar dalam menghasilkan produk berasaskan penyelidikan agar lebih berinovatif, berimpak serta bernilai komersial.



Jelasnya lagi, UTeMEX 2013 menjadi platform untuk menilai kreativiti penyelidik, pelajar untuk menghasilkan produk unik yang boleh memberi impak terhadap alam sekitar, kehidupan harian serta menyumbang kepada perkembangan teknologi negara.

Majlis penutup UTeMEX 2013 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Turut hadir Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri, Datuk Wira Md Yunus Husin

Ketika ditemui, beliau melahirkan penghargaan kepada UTeM di atas inisiatif tersebut dan berharap ianya dijadikan contoh oleh semua organisasi agar hasrat kerajaan untuk memperkasakan dan membudayakan inovasi dalam diri rakyat-Malaysia tercapai.



## PENGURUSAN KANAN DASSAULT SYSTEMES TINJAU KEMUDAHAN BERTEKNOLOGI TINGGI UTaM

**11 Disember** : UTaM selaku pelopor pengajian berteraskan aplikasi dan amalan terus mendapat perhatian syarikat industri antarabangsa untuk menjalinkan kerjasama strategik dalam bidang berkaitan. Pengurusan kanan D'assault Systemes hari ini mengunjungi UTaM untuk melihat dengan lebih dekat kemudahan pembelajaran dan pengajaran berteknologi tinggi di kampus universiti ini.



Naib Presiden Global Akademia D'assault Systemes, Thierry Collet telah mengadakan kunjungan ke pejabat Naib Canselor UTaM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui berkata, D'Assault Systemes merupakan syarikat peneraju utama dalam perisian rekabentuk 3D yang digunakan secara meluas oleh pihak industri dan institusi pengajian seluruh dunia.

"Kehadiran Thierry ke UTaM merupakan satu penghormatan besar kerana beliau amat berminat untuk melihat dengan lebih jelas fasiliti di kampus terutama sekali berkaitan perisian rekabentuk yang digunakan oleh pelajar," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Thierry kemudiannya dibawa melawat ke Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Pusat Inovasi Kreatif – BlueDot untuk melihat pelbagai produk yang dibangunkan oleh penyelidik UTaM.





## DIALOG DANA PENYELIDIKAN *bersama*

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI ZON SELATAN

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, pengajuran program itu bertujuan memberi maklumat terperinci mengenai pembiayaan dana yang diberikan oleh pihak MOSTI terutama Dana ScienceFund dan Dana Pra-Pengkomersilan.

Jelasnya, berbeza daripada tahun sebelum ini, pihak MOSTI turut mengadakan sesi klinik permohonan dana bagi membantu pemohon memahami tatacara permohonan dan garis panduan penggunaan dana selain sesi dialog dan taklimat oleh wakil BiotechCorp dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri, Datuk Wira Md Yunus Husin serta Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr. Rosli Mohamed hadir pada majlis tersebut.

**28 November** : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menganjurkan sesi dialog bersama penerima dan pemohon dana serta taklimat mengenai Dana R,D&C MOSTI bagi zon selatan bertempat di Kampus Industri UTeM di Ayer Keroh.

Program tersebut merupakan platform MOSTI untuk memberi penerangan mengenai pembiayaan dana R,D&C serta mendapatkan maklum balas daripada pihak pemohon, penerima geran dan penyelidik mengenai isu, masalah dan cadangan penambahbaikan pengurusan dana sedia ada serta langkah ke arah pengkomersilan hasil produk yang dibiayai dana tersebut.

## INOVASI UTeM MENYINAR

### DI KOREA SELATAN

#### Seoul International Invention Fair 2013 Awards Ceremony



inovasinya "Database Solar Tracker System".

Tiga lagi pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) iaitu Dr. Zahrladha Zakaria, Dr. Maisarah Abu dan Engr Ranjit Singh turut menyumbang kepada kutipan emas UTeM melalui produk inovasi masing-masing.

Manakala Engr. Vigneswara Rao juga dari FKEKK melakar sejarah apabila dua hasil inovasinya berjaya meraih emas pada pameran itu.

Salah satu produk inovasi beliau, e-Alert: An Automatic Accident Notification System via Smartphone mendapat perhatian juri antarabangsa kerana sistem tersebut bertindak sebagai pemantauan elektronik yang mampu menghantar maklumat kejadian kemalangan jalan raya seperti nama pemandu dan penumpang, koordinat, jenis kenderaan serta nombor pendaftaran kenderaan kepada pihak berkuasa seperti bomba, polis dan ambulans serta ahli keluarga dalam tempoh singkat sekaligus dapat memberi bantuan kecemasan kepada mangsa terlibat.

Jelas Vigneswara, inovasi itu merupakan satu kaedah alternatif kepada sistem keselamatan yang sedia ada dalam kenderaan dan boleh diimplementasikan penggunaannya di negara ini bagi mengurangkan kadar kematian di kalangan pengguna akibat nahas jalan raya.

**2 Disember** : Produk inovasi UTeM mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila berjaya meraih enam pingat emas, dua pingat perak dan satu gangsa sewaktu menyertai Seoul International Invention Fair 2013 (SIIF 2013) di Korea Selatan baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UTeM (CRIM), SIIF 2013 dianjurkan oleh Korean Intellectual Property Office (KIPO) dan disokong penuh oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) serta International Federation of Investors Associations (IFIA).

Pingat emas UTeM diraih oleh Muhammad Faizal Yaakub dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) melalui produk



*UTeM Ungguli*

# PERODUA Eco - Challenge 2013


UTeM berjaya meraih kejayaan gemilang dalam pertandingan akhir PERODUA Eco- Challenge 2013 (PEC 2013) yang berlangsung di Litar Go-Kart Shah Alam pada 12-14 Disember lalu.

Pasukan terdiri daripada gabungan pelajar dan staf Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Tekhousahawanan (FPTT) telah membuktikan keunggulan mereka apabila berjaya menewaskan pesaing daripada institusi pengajian tinggi lain dalam beberapa kategori yang dipertandingkan.

Menurut Pengerusi PEC-UTeM 2013 Dr. Ahmad Kamal Mat Yamin berkata, pasukan UTeM yang mempertaruhkan jentera yang dikenali "Perodua - Caliphs : Engineered To Inspire" telah berjaya meraih empat anugerah dari enam kategori yang dipertandingkan termasuk tempat pertama kategori cabaran kejuruteraan, tempat kedua kategori cabaran jarak terjauh dan cabaran pemasaran.

"Tahniah diucapkan kepada pelajar dan staf yang telah bertungkus lumus dalam cabaran kali ini hingga menyaksikan UTeM turut muncul pemenang tempat kedua keseluruhan sekaligus berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM24,000 beserta pingat dan sijil" ujarnya.

Jelasnya, kejayaan pada pertandingan yang mula diperkenalkan pada 2009 itu akan menjadi galakan kepada universiti ini untuk terus cemerlang pada masa hadapan serta dapat mendedahkan pelajar daripada institusi pengajian tinggi kepada persekitaran kerja yang sebenar, mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam membina reka bentuk Perodua Myvi yang menarik dan unik.





PENERBIT UTeM

# RANGKUL ANUGERAH BUKU NEGARA 2013



**12 Disember** : Penerbit UTeM berjaya merangkul kategori Buku Umum Terbaik Kategori Khazanah Warisan bersempena Anugerah Buku Negara 2013 yang telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Menurut Pengarah Penerbit UTeM Ruziah Ali, Anugerah Buku Negara 2013 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara itu menyediakan 30 anugerah industri buku pelbagai kategori kepada penggiat industri buku tanah air serta memberi pengiktirafan kepada penulis, artis dan buku serta penerbit yang telah memberikan karya yang bermutu negara.

Jelasnya, kejayaan tersebut diperolehi melalui buku bertajuk "Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM : Edisi 2" dan ianya menjadi galakan dan dorongan kepada warga universiti ini untuk terus menerbitkan karya yang bermutu tinggi sebagai bahan rujukan untuk legasi warisan generasi yang akan datang.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah,



## PRESIDEN CUEPACS

### Adakan Pertemuan Dengan

### KAKITANGAN KESELAMATAN

## UTeM

**4 Disember** : Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Dato' Omar Osman hari ini mengadakan pertemuan bersama kakitangan keselamatan UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal.

Pertemuan tersebut melibatkan kakitangan skim KP (Keselamatan) yang antara lainnya bertujuan untuk berkongsi perkembangan terkini dalam perkhidmatan awam serta membincangkan isu-isu serta saranan berkaitan khususnya skim terbabit.

Dato' Omar terdahulu mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Naib Canselor UTeM untuk bertemu dengan Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Antara topik yang disentuh dalam pertemuan itu adalah berkaitan penambahbaikan skim KP termasuklah penyelarasan pemakaian pangkat bagi pasukan Polis Bantuan serta lain-lain perkara berkaitan termasuk sesi dialog bersama kakitangan yang hadir.



## FTK TERIMA LAWATAN DARI UNIVERSITI JERMAN PERTINGKAT SILIBUS PEMBELAJARAN

Dalam usaha mempertingkatkan modul pembelajaran kursus yang ditawarkan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menerima kunjungan Prof. Ing. Dr. Heinz Schmiedel dari University of Applied Science Hochschule Darmstadt Jerman baru-baru ini.

Dr Schmiedel yang juga merupakan profesor di Jabatan Kejuruteraan Elektronik dan Teknologi Maklumat University of Applied Science Hochschule Darmstadt, telah mengadakan pertemuan dengan Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff serta pensyarah bagi meninjau dan mengadakan perbincangan dua hala berkaitan silibus yang digunakan di fakulti tersebut.

Dalam perbincangan tersebut, beberapa perkara telah disentuh oleh Dr. Schmiedel merangkumi aspek kandungan silibus, latihan praktikal dalam makmal, bidang R&D, penggunaan peralatan mengajar serta penambahbaikan sistem pembelajaran sedia ada.

Menurut Dekan FTK, Prof Madya Mohd Rahimi berkata, selaku Pemeriksa Luar yang telah dilantik oleh universiti ini, kunjungan Dr. Schmiedel ini merupakan peluang yang terbaik untuk mendapatkan nasihat dan pandangan bagi penambahbaikan pembelajaran di fakulti ini dalam memastikan proses pembelajaran memberikan impak kepada para pelajar.



## UTeM Tumpuan Pelajar Kolej Matrikulasi Perlis


**3 Disember** : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Karnival Pendidikan dan Kerjaya yang diadakan di Kolej Matrikulasi Perlis (KMP) bagi memperkenalkan nama universiti tersebut sebagai institusi pengajian awam berfokus dalam bidang teknikal di negara ini.

Menurut Penolong Pendaftar Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) Zulfatria Abdullah berkata, promosi tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar kolej matrikulasi tersebut untuk mengenali UTeM selaku universiti teknikal awam pertama di negara ini dengan lebih dekat.

"Sebagai sebuah IPTA yang berfokus kepada bidang teknikal dan kejuruteraan, UTeM bukan sahaja menawarkan peluang pengajian kepada pelajar aliran sains dan teknikal dalam bidang kejuruteraan, bahkan pelajar turut berpeluang mengikuti pengajian dalam bidang keusahawanan dan komputer sains yang ditawarkan universiti tersebut," katanya.

"Booth pameran UTeM telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar yang mengambil kesempatan untuk berinteraksi secara langsung dengan para petugas UTeM bagi mendapatkan penerangan lanjut mengenai struktur program akademik termasuk kemudahan, fasiliti dan yuran pengajian yang boleh membantu mereka membuat pemilihan kursus yang bersesuaian dengan minat dan pencapaian akademik masing-masing," jelas beliau lagi.

# HELWA UTeM anjur SEMINAR FIQH WANITA KONTEMPORARI



Bahagian Hal Ehwal Wanita (HELWA) UTeM dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan UTeM telah menganjurkan Seminar Fiqh Wanita Kebangsaan baru-baru ini.

Seminar berlangsung di Auditorium Canselori Kampus Induk UTeM menampilkan penceramah yang juga merupakan pakar motivasi terkenal Dr. Robiah K. Hamzah dan Ustaz Muhamad Najib Abdullah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah membicarakan topik berkaitan peranan dan tanggungjawab wanita dalam perspektif syariat Islam.

Menurut Pengarah Program Syamilah Mohd Ali berkata, objektif seminar adalah untuk membentuk peribadi dan akhlak wanita supaya berlandaskan kepada syariat yang sebenar serta memberi kefahaman dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.

"Seminar ini juga bertujuan untuk membuka minda wanita mengenai peranan wanita solehah dalam kehidupan seharian selain memberi peringatan terhadap tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi ini" ujar beliau.

## UTeM CAREER CONNECT

### LONJAK KEMAMPUAN GRADUAN

**13 November** : Kebolehpasaran graduan UTeM diperkasakan dengan penubuhan sebuah pusat sehati bagi membolehkan mahasiswa mendapat pekerjaan sesuai dengan pengkhususan dan kelayakan masing-masing.

Pusat sehati itu yang dikenali sebagai UTeM Career Connect berperanan sebagai pemudahcara serta penghubung di antara syarikat industri dan mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian.

Menurut Penolong Pendaftar, Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM), Deenoo Aizad Abadi Md Noh berkata, penubuhan pusat itu bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh UTeM dalam menyediakan modal insan berkemahiran tinggi bagi keperluan industri.

"UTeM Career Connect bertindak sebagai sebuah pusat yang memberi kemudahan kepada bakal graduan untuk mencari peluang pekerjaan serta menghubungkan pihak industri yang mencari calon sesuai bagi mengisi kekosongan jawatan di syarikat itu," jelas Deenoo.

Katanya lagi, sejak pusat itu beroperasi, sambutan diterima pihaknya amat memberangsangkan dengan bilangan bakal graduan yang hadir mendapatkan perkhidmatan semakin meningkat dan perkara itu menunjukkan perkembangan positif.



Dalam pada itu, UTeM Career Connect turut menganjurkan program penempatan kerjaya "Job Camp 2013" baru-baru ini dengan menampilkan syarikat-syarikat industri yang menawarkan kekosongan pelbagai jawatan dalam bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan.

Deenoo menambah, pihaknya akan sentiasa mempelbagaikan aktiviti serta mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat industri dalam menghebahkan peluang pekerjaan bagi memastikan kebolehpasaran graduan UTeM berada di tahap tertinggi.

Bagi mana-mana syarikat yang berminat untuk menghebahkan peluang kerjaya serta mendapatkan calon daripada UTeM, boleh menghubungi Deenoo di talian 06-331 6995/6996 atau melalui emel di [career.connect@utem.edu.my](mailto:career.connect@utem.edu.my)



## UTeM jayakan Seminar on Occupational Safety and Health (OSH) kali pertama

**13 Disember** : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH) telah menganjurkan seminar OSH buat kali pertama bertempat di Auditorium, Bangunan Canselori baru-baru ini.

Seramai 50 peserta telah menyertai seminar terdiri daripada pelbagai agensi termasuk pensyarah universiti tempatan dan swasta serta pegawai keselamatan dan kesihatan industri.

Seminar selama dua hari itu bertemakan "Merencana Kelestarian Sektor Pembuatan Menerusi Persekitaran Kerja Yang Selamat" menampilkan penceramah dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), NIOOSH, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan dua wakil industri termasuk Infineon Technologies.

## UTeM anjur SEMINAR TEKNOLOGI SUKAN

**6 Disember** : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Bahagian Sukan (Sektor Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan Seminar Teknologi Sukan di Dewan Sukan UTeM Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus, seminar bertujuan memberi pendedahan dan perkongsian mengenai penggunaan teknologi yang berupaya melestarikan kecemerlangan atlet Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan negara. Seminar ini juga akan memperkasakan lagi IPT sebagai pemacu pembangunan sukan negara yang berteraskan teknologi sukan.

Jelasnya, pihak KPM juga dengan kerjasama beberapa IPT telah mengadakan pelbagai program pembangunan sukan bagi melahirkan "The Thinking Athlete" dengan mensasarkan 30% atlet dari IPT akan mewakili Negara.

Majlis perasmian seminar yang dihadiri lebih 60 orang terdiri daripada pelajar, pegawai sukan, atlet, pensyarah dari IPT seluruh negara telah disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan (Pengajian Tinggi), KPM Hazally Jali.





**PASUKAN ORACLE VEHICLE KE TOKYO AUTOSHOW -  
DINOBAT JOHAN KEBANGSAAN  
KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA #fit2drive**

**7 November** : Sepasukan mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) menggelarkan kumpulan mereka "Oracle Vehicle" mencatat sejarah gemilang apabila diumumkan sebagai johan kebangsaan kempen kesedaran pemeriksaan kenderaan #fit2drive anjuran Institut Automotif Malaysia (MAI) semalam.

Menurut pemsyarah FTK, Ir. Mohd Farriz Basar selaku penasihat pasukan itu berkata, pertandingan kempen #fit2drive bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap persekitaran pemanduan yang selamat melalui pelbagai platform antaranya laman sosial seperti Facebook dan Twitter. "Kemenangan Oracle Vehicle diraih berdasarkan keunikan dan kreativiti ahli pasukan yang telah menyusun strategi bagi memastikan keberkesanan kempen melalui saluran atas talian (online) serta sesi bertemu dengan orang ramai," jelas Farriz.

Kempen yang dijalankan oleh pasukan itu adalah untuk menyedarkan orang ramai bahawa risiko kemalangan amat tinggi sekiranya kenderaan tidak diselenggara dengan baik dan melalui kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Jalan Raya (MJKR) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) inisiatif itu mendapat sambutan sangat menggalakkan. Katanya lagi, pencapaian membanggakan apabila Oracle Vehicle berjaya menarik 15,000 capaian ke laman Facebook, Twitter, Instagram serta Youtube yang diwujudkan untuk mempromosikan kempen tersebut.

Oracle Vehicle dianggotai oleh pelajar tahun dua FTK terdiri daripada Afif Zulhilmu Sahariman, Fazliana Ahmad Buderu, Nurul Atiqah Rahman, Fakhruil Faiz Hamdan dan Aliff Farhan Zamri menewaskan 67 pasukan lain dari IPTA/IPTS seluruh negara. Selaku johan kebangsaan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM 4,000 serta berpeluang menyaksikan pameran automotif terulung di dunia iaitu Tokyo Auto Show di Jepun pada penghujung November ini.

**UNIVERSITI THAILAND  
KAGUM KEMUDAHAN SUKAN di UTeM**

**26 November** : UTeM terus menjadi tumpuan pelawat antarabangsa untuk melihat dengan lebih dekat kemudahan pembelajaran dan pengajaran serta fasiliti sokongan yang terdapat di universiti itu.

Terbaru, Pusat Sukan UTeM telah menerima kunjungan seramai 13 orang pelajar dan pegawai dari Jabatan Kesihatan dan Sains Sukan, Fakulti Pendidikan Universiti Mahasarakham Thailand untuk melihat dengan lebih dekat kemudahan sukan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Ketua Jabatan fakulti berkenaan, Dr. Chairat Choolsakul ketika ditemui berkata, lawatan yang diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada pelajarannya berkaitan pengurusan fasiliti sukan serta berkongsi pengalaman antara satu sama lain.

"Kami sangat kagum akan kemudahan sukan yang terdapat di UTeM dan melalui lawatan ini diharapkan jalinan kerjasama erat akan dapat diwujudkan demi manfaat kedua-dua universiti," jelas Dr. Chairat.



Delegasi Universiti Mahasarakham dibawa melawat Sekitar Kompleks Sukan UTeM yang terdiri daripada stadium, dewan sukan, padang bola sepak, padang ragbi dan arena hoki serta beberapa kemudahan lain.

Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus yang menyambut ketibaan delegasi itu telah membentangkan struktur organisasi, fungsi jabatan serta pencapaian yang telah dicapai oleh pusat itu serta impaknya kepada kemajuan sukan universiti.



# AFFENDY dilantik YDP MPP UTeM

**13 Disember** : Affendy Mohd Saleh, 26, pelajar tahun 4 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) di Fakulti Kejuruteraan pembuatan (FKP) telah dilantik sebagai Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM bagi sesi 2013/2014. Majlis penyerahan wafat pelantikan kepada MPP telah disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Auditorium Canselori Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, pegawai-pegawai kanan universiti serta mantan MPP sesi 2012/2013.

Menurut Prof Madya Dr. Izaidin, pemilihan MPP telah diadakan pada 28 November lalu dan sebanyak 28 kerusi telah dipertandingkan pada pemilihan tersebut manakala seramai 10,834 pelajar UTeM layak mengundi dengan menggunakan kaedah e-voting di semua lokasi yang disediakan.

Naib Canselor dalam ucapannya mahukan MPP memainkan peranan utama untuk menjadi penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan universiti serta diharap dapat melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan sebaik mungkin.



"Kepercayaan dan mandat perlu digalas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, jujur dan berintegriti serta barisan MPP perlu mempunyai ciri-ciri cekal dan tahan lasak, berintegriti, setia, profesional dan sentiasa membuat perubahan," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau juga mahukan MPP sentiasa mengambil berat menjaga kebajikan pelajar serta juga cemerlang dari segi akademi dan ko kurikulum.

Bagi Affendy pula, tanggungjawab yang diberi adalah satu amanah yang perlu dipikul bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar UTeM. Beliau mengharapkan agar dapat merealisasikan manifesto-manifesto sepanjang berkempen semasa pemilihan MPP yang lepas serta menjadikan MPP sebagai landasan menghubungkan antara pelajar dan pihak pengurusan universiti bagi mengutarakan pelbagai masalah yang dihadapi mahasiswa.

**6 Disember** : Pusat Islam UTeM telah menganjurkan Program Smart Solat dan Smart Tahfiz bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk UTeM bersempena musim cuti sekolah. Menurut penyelaras program tersebut, Ustaz Muhammad Asyraf Sulaiman berkata, Smart Solat dan Smart Tahfiz memberi penekanan terhadap teknik-teknik dalam mengerjakan solat dengan betul, hafalan surah-surah lazim, perkara asas fardhu ain serta penerapan akhlak terpuji di kalangan peserta.

Di samping itu, peserta turut didedahkan dengan program musabaqah hafazan dan tilawah Al-Quran serta penerapan kecintaan kepada Rasulullah SAW. Jelasnya lagi, inisiatif ini adalah selaras dengan fungsi masjid sebagai tempat perkembangan ilmu di samping memupuk sifat cintakan masjid di kalangan kanak-kanak.

"Diharapkan selepas program ini tamat, peserta dapat mempraktikkan ilmu diperolehi dengan sempurna

## Pusat Islam anjur program

### Smart Tahfiz Smart Solat 2013



seterusnya mampu melahirkan generasi muda yang cintakan masjid dan berakhlak mulia", kata Ustaz Asyraf lagi.



## Pusat Komputer anjur KEM ICT 2013 sempena Musim Cuti Sekolah

Bersesuaian dengan fungsi universiti sebagai institusi pengembangan ilmu bersama masyarakat, maka Pusat Komputer menganjurkan Kem ICT 2013 bersempena cuti sekolah bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal.

Program yang disasarkan penyertaan anak-anak staf universiti serta orang awam itu menyediakan tempat kepada seramai 80 orang peserta terdiri daripada kategori pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Menurut Pengarah Pusat Komputer UTeM, Mohd Isa Mohd Dom berkata, Kem ICT 2013 dianjurkan bagi mengisi masa lapang pelajar dengan menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang teknologi maklumat merangkumi tatacara penghasilan blog, panduan penggunaan internet dengan berkesan serta kemahiran asas menggunakan perisian grafik.

Katanya lagi, Kem ICT dianjurkan bermula pada tahun 2010 dan sejak itu ianya mendapat maklumbalas positif dan permintaan tinggi dari kalangan staf universiti dan masyarakat sekitar kampus bagi mengisi masa lapang anak-anak dengan aktiviti berfaedah.

"Diharapkan selepas program ini tamat, peserta dapat mempraktikkan ilmu diperolehi dengan sempurna seterusnya mampu melahirkan generasi muda yang celik IT dan kreatif", kata Mohd Isa lagi.



## PAMERAN KESELAMATAN JALAN RAYA BERI MAKLUMAT BERGUNA kepada Warga Universiti



**18 Disember** : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) negeri Melaka menganjurkan pameran keselamatan jalan raya bertempat di Perpustakaan Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Ketua Pustakawan UTeM, Hajah Faridah Haji Md Amin berkata, objektif pameran adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada kepada warga universiti terutamanya mahasiswa mengenai kepentingan keselamatan dan peraturan ketika berada di jalan raya. Jelasnya, pameran itu diharapkan dapat memberi kefahaman kepada warga universiti mengenai isu-isu keselamatan jalan raya bagi mengurangkan kadar kemalangan menerusi pameran dan aktiviti keselamatan jalan raya.

Pameran yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang itu menyediakan pelbagai aktiviti interaktif, permainan dan kuiz berkaitan isu-isu keselamatan jalan raya.

**6 Disember** : UTeM telah menganjurkan program latihan kepada stafnya yang dikenali PERINTIS baru-baru ini bertempat di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal.

Program yang berlangsung itu merupakan kesinambungan daripada Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) telah melibatkan kakitangan daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), Pejabat Penerbit Universiti dan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB).

Menurut Dekan FPTT Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati Tahir berkata, penganjuran program tersebut amatlah bermakna dan memberi kesan yang positif di kalangan peserta yang terlibat terutama dalam pembentukan warga kerja yang bersahsiah murni dan professional.

## PROGRAM PERINTIS UTeM Platform Hasilkan Warga Universiti Terbilang

Jelasnya lagi, pelaksanaan program PERINTIS ini amatlah tepat pada masanya selaras dengan hasrat UTeM yang komited untuk menjadi universiti teknikal yang berstatus "APEX Technical University" pada masa hadapan.

"Selain meningkatkan ukhwah dan silaturrahim dikalangan warganya, program ini turut membantu melahirkan modal insan yang berfikir strategik, berinovasi dan menjana kreativiti dalam menterjemahkan perancangan universiti", ujar beliau.

Program PERINTIS telah dipenuhi dengan pengisian bermakna seperti aktiviti-aktiviti membentuk gerak kerja berpasukan di samping aktiviti lasak yang menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta.

Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.



## SISWA UTeM MENYEMAI BAKTI *bersama* JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA



Seramai 15 orang mahasiswa UTeM terlibat dalam menjayakan Program Konvoi Bakti Khidmat Masyarakat yang bertemakan "Sirih Pulang Ke Gagang" anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM).

Program itu melibatkan seramai 170 orang peserta yang terdiri daripada pesalah-pesalah muda berumur antara 17 hingga 22 tahun dan telah mendapat kerjasama pelbagai agensi termasuk Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM).

Konvoi tersebut telah disertai lebih 50 buah kenderaan bermotor serta pacuan empat roda dengan jarak perjalanan sejauh 200 km meliputi laluan di sekitar kawasan Port Dickson dan Melaka.

Menurut Farizal Kamarzaman yang merupakan Presiden Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) UTeM berkata siswa UTeM diberikan kepercayaan sepenuhnya untuk menjadi fasilitator dan bertanggungjawab untuk menyelia kesemua peserta terutamanya ketika melaksanakan tugas di setiap perhentian konvoi tersebut.

"Sebagai pelajar, kami berbangga kerana terpilih untuk menyertai program ini yang merupakan peluang terbaik untuk memberikan khidmat bakti bukan sahaja kepada masyarakat bahkan dapat memberi bimbingan kepada pesalah-pesalah muda tersebut yang dianggap seperti ahli keluarga sendiri selain peranan siswa sebagai role-model kepada masyarakat" ujarnya.





**12 Disember** : Seramai 45 orang mahasiswa UTeM telah menyertai kembara berbasikal dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) baru – baru ini.

Kembara julung kali itu menyaksikan kayuhan para peserta yang terdiri daripada fakulti-fakulti bermula dari Kampus Induk UTeM ke Pengkalan Balak, Masjid Tanah serta mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Luar UTeM, Dr. Wan Hasrulnizam Wan Mahmood berkata program itu dapat mendisiplin pelajar terutama dalam mematuhi peraturan jalan raya selain menyihatkan badan serta menikmati keindahan flora dan fauna di sepanjang perjalanan

Bagi Wan Mohd Azahar Wan Mohd Yusof, selaku pengarah program berkata, kembara ini merupakan satu cabaran yang luar biasa bagi peserta bagi menguji ketahanan mental dan fizikal serta memupuk semangat bekerja secara berkumpulan.



**KEMBARA BERBASIKAL UTeM  
GPMS PUPUK JATI DIRI SISWA**



**18 Disember** : Bencana banjir yang melanda di beberapa kawasan di Pahang telah mendapat perhatian warga UTeM untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa.

Baru-baru ini Pusat Islam telah melancarkan inisiatif bagi membantu meringankan bebanan mangsa banjir dengan mengumpulkan sumbangan daripada warga universiti berupa makanan, pakaian dan wang tunai.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam UTeM, Muhammad Asyraf Sulaiman berkata, keperluan asas yang disumbangkan oleh warga universiti telah disalurkan kepada 200 orang penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan Tanah Putih, Pekan Pahang.

"Hasil kutipan daripada warga UTeM, misi bantuan ini berjaya membekalkan keperluan asas seperti beras, gula, susu, biskut serta air minuman kepada mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan," jelas Asyraf.

Pakaian dewasa dan kanak-kanak yang disumbangkan oleh warga UTeM turut diedarkan bagi kegunaan mangsa di pusat pemindahan tersebut.

Katanya lagi, warga UTeM amat prihatin terhadap kesukaran yang dialami mangsa dan diharapkan sumbangan itu dapat membantu mereka meneruskan hidup sementara menantikan keadaan pulih seperti sedia kala.

Turut menjayakan penghantaran misi bantuan itu ialah sepasukan sukarelawan Pusat Islam yang bertungkus lumus memunggah bekalan serta menyampaikan bantuan kepada keluarga mangsa.

Selain menghulurkan bantuan, sukarelawan Pusat Islam juga mengambil kesempatan beramah mesra dengan penduduk setempat dan melawat kawasan sekitar yang terjejas teruk akibat banjir.



**STAF UTeM JALANI**

## **LATIHAN KESELAMATAN KEBAKARAN TAHAP 2**

**8 November** : UTeM dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menganjurkan latihan keselamatan kebakaran tahap 2 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Masjid Tanah baru- baru ini.

Menurut Pengarah Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM, Azwan Aziz berkata, latihan tersebut bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran tambahan kepada peserta terdiri daripada wakil-wakil dari di setiap jabatan.

"Sesi latihan kali ini dilaksanakan menggunakan pendekatan secara praktikal di mana peserta merasai sendiri suasana kebakaran serta peralatan yang digunakan dalam situasi tersebut," kata Azwan.

Jelasnya lagi, peserta diberi tunjuk ajar penggunaan topeng oksigen yang digunakan oleh anggota bomba dalam kejadian kebakaran serta langkah-langkah yang perlu dilakukan sewaktu kecemasan.

Melalui bimbingan pegawai bomba bertugas, peserta kemudiannya merasai pengalaman bergerak di dalam asap tebal menggunakan topeng oksigen pada simulasi yang diadakan di kawasan balai itu.

Simulasi tersebut memerlukan peserta bergerak dengan menggunakan tali dalam keadaan topeng bertutup menggambarkan keadaan gelap disebabkan asap tebal sewaktu kebakaran.





## UTeM semarak PEMBANGUNAN RAGBI NEGERI MELAKA

**20 November** : UTeM melaksanakan pelbagai aktiviti bersama masyarakat bersesuaian dengan fungsi penubuhannya sebagai pusat pengembangan bakat dan ilmu pengetahuan.

Baru-baru ini, Pusat Sukan UTeM telah menganjurkan Program Perkongsian Pintar Klinik Ragbi yang disertai oleh 30 pelajar Sekolah Rendah Paya Rumput, Melaka.

Menurut Penolong Pegawai Belia dan Sukan UTeM, Razali Yaakob selaku jurulatih berkata, program tersebut dianjurkan bertujuan berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam sukan ragbi di samping memperkenalkan universiti itu kepada peserta.

Jelasnya, peserta didedahkan dengan teknik-teknik asas ragbi, aspek keselamatan serta peraturan sukan di samping taktikal yang terkandung dalam permainan tersebut.

"Inisiatif yang diadakan ini adalah bertujuan melatih bakat baru ragbi di peringkat akar umbi bagi melahirkan pemain berprestasi untuk negeri Melaka dan negara," kata Razali ketika ditemui.

Katanya lagi, minat yang ditunjukkan oleh peserta amat memberangsangkan dan pihaknya bercadang untuk menjadikan klinik ragbi sebagai acara tahunan dengan sasaran lebih banyak sekolah yang menyertai pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Razali turut menyatakan bahawa UTeM sentiasa berusaha gigih untuk memajukan sukan ragbi melalui pelbagai aktiviti seperti menyertai kejohanan-kejohanan kebangsaan, menganjurkan perlawanan persahabatan dan program pembangunan akar umbi.

## PROGRAM HARI INTERAKSI ANAK-ANAK FELDA *Eratkan Hubungan*



**13 Disember**: Dalam usaha untuk mengeratkan hubungan anak-anak Felda yang baru melanjutkan pelajaran ke UTeM bersama pelajar-pelajar senior, Sekretariat Pemuafakatan Siswa/Siswi FELDA UTeM (PERSADA UTeM) telah menganjurkan Hari Interaksi di Pantai Tanjung Bidara, Melaka baru-baru ini.

Menurut pengarah program, Nor Sazilah Mohamad berkata, program itu dilaksanakan agar pelajar baru dapat berkenalan sesama ahli dan seterusnya mencari bakat yang berkebolehan memimpin PERSADA pada masa hadapan.

Seramai 60 pelajar UTeM yang terdiri anak-anak FELDA hadir pada acara tersebut dan turut dihadiri oleh penasihat PERSADA UTeM, Mohd. Isa Mohd. Dom yang juga Pengarah Pusat Komputer.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah "Ice Breaking", Latihan Dalam Kumpulan (LDK), ceramah pengurusan akademik dan acara sukaneka seperti tarik tali, bola tampar dan sukan air.

Nor Sazilah ketika ditemui mengharapkan agar program seumpama itu dapat diadakan pada setiap tahun dengan pelbagai program dapat diatur bagi merapatkan lagi hubungan warga Felda di UTeM.

**KETUA EDITOR :**



Fazidah Ithnin

**WARTAWAN :**



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**



Aziza Md Buang



Khairul Fakhru Radhi Borhan



Suria Abdul Rahman

**JURUFOTO :**



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

**PENGEDARAN :**



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman



## UTeM MUNCUL KUASA BARU BOLA SEPAK MTUN

**10 Disember** : Pasukan bola sepak UTeM mencipta sejarah apabila muncul juara dalam acara bola sepak di Temasya Sukan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang berlangsung di Kangar, Perlis baru-baru ini.

Temasya sukan tersebut disertai oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selaku tuan rumah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan UTeM.

Menurut jurulatih pasukan bola sepak UTeM, Sapian Wahid ketika ditemui berkata, pemain pasukannya telah menunjukkan aksi bertenaga di setiap perlawanan dan berjaya mengharungi kempen dengan kemenangan yang diharapkan.

UTeM bermula garang apabila berjaya membenam UTHM melalui penentuan sepakan penalti dengan jaringan 4-3. Terdahulu, perlawanan itu terikat dengan jaringan 1-1 hasil jaringan pemain tengah UTeM, Jalaludin Mohd Diah.

Ketangkasan penjaga gol UTeM, Hadzli Zul Hamran berjaya menyelamatkan dua sepakan penalti membolehkan UTeM mengatasi UTHM.

Perlawanan berikutnya dijadualkan bertemu UMP namun pasukan universiti itu terpaksa menarik diri di saat akhir dan situasi itu membolehkan UTeM mendapat laluan mudah terus ke final untuk menghadapi pasukan tuan rumah, UniMAP.

Bermain di padang sendiri, pasukan UniMAP mempamerkan aksi cemerlang namun strategi Sapian memperkuat barisan pertahanan UTeM nyata berbaloi.

Penyerang UTeM, Suhaimi Omar dan Mazlan Mehat muncul wira UTeM apabila kedua-dua pemain itu berjaya meloloskan diri seterusnya merobek gawang UniMAP dengan dua gol.

UniMAP mendapat satu gol saguhati dan keputusan penuh perlawanan menyaksikan UTeM muncul juara acara bola sepak Temasya Sukan MTUN dengan jaringan 2-1.

Jelas Sapian, keazaman anak-anak buahnya untuk mencipta kejutan di temasya itu wajar dihargai dan cabaran seterusnya adalah untuk mengekalkan prestasi tersebut.

